

MRT Corp. umum tiga lagi penganugerahan pakej kerja MRT

KUALA LUMPUR 29 Okt. - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) mengumumkan pemberian tiga lagi pakej kerja bernilai RM107.3 juta hasil keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pemerolehan Sehenti (OSPC) yang diadakan minggu lalu.

Usahasama antara A.F.S. Engineering (M) Sdn. Bhd. dan ST Electronics Ltd. telah dianugerahkan kontrak bernilai RM23.24 juta bagi membekalkan fasiliti sistem Penyeliaan dan Pengumpulan Data (Scada) bagi laluan transit pantas massa (MRT) dari Sungai Buloh hingga Kajang.

MRT Corp. turut menganugerahkan kontrak kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan, percubaan dan pentauliahan sistem akses kawalan kepada Apex Communication Sdn. Bhd. dan Johnson Controls (M) Sdn. Bhd. yang bernilai RM41.04 juta.

Sementara itu, Metronic Engineering Sdn. Bhd. telah dianugerahkan pakej kerja membekalkan sistem pengurusan bangunan bagi MRT Sungai Buloh hingga Kajang bernilai RM43.04 juta.

Dengan pengumuman itu, 53 daripada 85 pakej kerja MRT ini telah dianugerahkan yang menecah nilai sebanyak RM19.8 bilion.